

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN  
PADA 16 JUN 2011  
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daud Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku  
Pendaftar UniMAP

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya kita masih diberikan kesempatan untuk sama-sama berkumpul buat kali kedua pada bulan ini dalam Program Senamrobik Dan Perjumpaan Mingguan Bersama Naib Canselor yang bertujuan mendengar amanat serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

**Ladies and gentlemen,**

It is hard to believe that time flies very fast. And little that we realized, six months have passed with bittersweet memories and many more waiting ahead of us. I believe the plan has been implemented very well planned and successfully to ensure UniMAP ever forward in creating any kind of success for the year 2011.

Whatever memories or history is inscribed, Nay, we remain careless and negligent, but there is still half way to make sure we have through in 2011 became one of the best moments for yourself, your family or organization that we love this. Indeed,

with a strong effort and spirit will lead us to achieve the targets and goals we have set in the early years.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sekali lagi saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana proses pendaftaran 320 pelajar Diploma Sidang Akademik 2011/2012 di Kampus Alam, Pauh Putra pada 5 Jun lalu telah berjalan dengan lancar dan pada 20 Jun ini dijangkakan kita akan menerima kira-kira 60 pelajar lagi bagi sesi Pengambilan Kedua Sidang Akademik 2011/2012.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran sepanjang proses pendaftaran tersebut.

Hadirin sekalian

Bulan ini merupakan bulan yang amat bertuah untuk Universiti Malaysia Perlis kerana pelbagai pengiktirafan dan penghargaan yang telah kita perolehi baik dari dalam dan luar negara.

Di sini saya ingin kongsikan pengiktirafan yang kita telah perolehi. Yang pertama merupakan Anugerah Felo kehormat dari Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland yang dianugerahkan kepada saya pada 10 Jun 2011 lalu. Saya menjadi rakyat Malaysia Pertama dan penerima pertama dari luar Ireland.

Anugerah yang berprestij ini adalah penganugerahan tertinggi yang diberikan oleh AIT kerana sumbangan dari pelbagai bidang seperti pendidikan, penyelidikan, sukarelawan dan hubungan antarabangsa terutamanya kepada UniMAP - AIT, Malaysia-Ireland.

Pada saya penganugerahan Felo kehormat ini bukanlah bersifat penghargaan kepada individu semata-mata, ia menunjukkan bahawa kita diiktiraf di peringkat antarabangsa selaras dengan pelan strategik UniMAP iaitu Kea rah Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah.

Hadirin sekalian,

Semalam satu lagi penghargaan telah kita terima iaitu Institut Kecemerlangan Nano Elektronik UniMAP telah diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia . Saya bersama Pengarah INEE, Prof. Dr. Uda Hashim telah menjadi wakil UniMAP untuk menerima Anugerah Tersebut pada Majlis

Perasmian Nano Malaysia Summit And Expo 2011 serta Penyampaian Pengiktirafan Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia di PWTC semalam.

Tahniah saya ucapkan kepada Prof. Dr. Uda Hashim dan semua kakitangan INEE atas kejayaan pengiktirafan tersebut dan saya berharap agar pengiktirafan ini akan menjadi pembakar semangat kepada INEE untuk meningkatkan pencapaian seterusnya mengekalkan pengiktirafan yang kita perolehi ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada ketiga-tiga penerima Anugerah Biasiswa MREPC Muhammad Aliff Emran Rosslee, Part Wei Ken dan C. Thulasimani A/P Chellon pelajar dari jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan. Anugerah Biasiswa ini sedikit sebanyak mengharumkan nama UniMAP kerana mereka semua merupakan antara 19 mahasiswa pertama yang menerima Anugerah Biasiswa MREPC ini. Harapan saya agar lebih ramai lagi mahasiswa UniMAP yang akan mendapat tajaan seperti anda semua. Syabas saya ucapkan.

Hadirin sekalian,

Saya difahamkan para atlit UniMAP yang akan menyertai Sukan Staf Universiti Malaysia ke 36 yang akan berlangsung pada 8 hingga 17 Julai ini di Universiti Teknikal Melaka telah memulakan latihan

Saya berharap para atlit akan berlatih bersungguh-sungguh agar kita dapat mengekalkan gelaran juara untuk tahun ini.

Jangan memandang rendah keupayaan pasukan lawan kerana saya pasti pelbagai persediaan telah dilakukan mereka untuk merampas gelaran juara ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Burung Berkicau Dipohon Meranti,  
Anak Kecil Bermain Buaian,  
Nama UniMAP Sematkan Di Hati,  
Tingkatkan Pencapaian Menuju Kejayaan,

Sekian,

Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.